

04/11/1998

Dr Mahathir rasmi detik Y2K

KUALA LUMPUR, Selasa - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini melancarkan detik menjelang Masalah Tahun 2000 (Y2K) atau lebih dikenali sebagai pepijat alaf yang hanya tinggal 423 hari lagi.

Pelancaran itu dilakukan sempena Pameran dan Persidangan Telekomunikasi Asean 1998 (Telecom Asean 98) di Pusat Pameran The Mines di sini.

Sempena pelancaran itu, Ekspo dan Forum Y2K - Penyelesaian Bagi Alaf Baru turut diadakan. Ia dikelolakan Pasukan Projek Y2K Negara di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Dengan hanya tinggal 423 hari sebelum 1 Januari 2000, pameran dan forum Y2K memberi peluang terbaik kepada organisasi besar dan kecil mencari penyelesaian terkini bagi isu Y2K bermula pada komputer peribadi (PC) sehinggalah ke alatan komputer yang lebih besar dan canggih.

Masalah Y2K berpunca daripada kegagalan sistem perkomputeran yang hanya bergantung kepada perkiraan tarikh untuk mengenali kedatangan hari pertama alaf baru.

Cara perisian ditulis bagi pengiraan tarikh yang berdasarkan norma dua angka menjadi punca kepada semua pemasalahan itu. Contohnya, 1 Januari 1998 dalam sistem komputer ditulis sebagai 98/01/01 dengan susunan tahun/bulan/tarikh.

Masalah serupa akan timbul apabila tarikh beralih kepada 1 Januari 2000 yang mana sistem komputer akan `menterjemahnya' sebagai 00/01/01 atau 1 Januari 1900.

Salah pengiraan tarikh itu menyebabkan pelbagai aplikasi dan akhirnya akan memberhentikan operasi.

Berikutan kesan buruk Y2K itu, kerajaan mengambil langkah persediaan dengan peruntukan awal sebanyak RM30 juta bagi menyelesaikan masalah itu di sektor awam terutama sektor yang dikategorikan kritikal. Jumlah peruntukan itu masih tidak mencukupi.

Ketika membentangkan Belanjawan 1999, baru-baru ini, Dr Mahathir mengumumkan peruntukan RM100 bagi menangani masalah itu.

(END)